

26 NOV 1999

DR MAHATHIR HADIRI PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN CALON BN

KOTA BAHARU, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dalam lawatan kerja sehari ke Kelantan hari ini mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan dan calon Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir selaku Pengerusi BN meluangkan masa kira-kira sejam, bermula pada pukul 3 petang ini, untuk mendengar perkembangan terbaru BN Kelantan, bagi menghadapi pilihan raya pada 29 Nov ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, Timbalan Pengerusi BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamed serta pemimpin parti komponen BN Kelantan, dan calon-calon BN di negeri itu.

Difahamkan pada perjumpaan itu, Dr Mahathir menasihati jentera pilihan raya dan calon BN untuk terus berusaha dan bekerja kuat bagi memastikan kemenangan di Kelantan pada pilihan raya ini.

Dr Mahathir yakin BN boleh menumpaskan PAS di Kelantan pada pilihan raya ini, sekiranya jentera pilihan raya dan pemimpin BN mengamalkan sikap bekerjasama dan bekerja keras bagi kepentingan parti.

Selepas perjumpaan itu, Dr Mahathir bertolak ke Sekolah Kebangsaan Othman Talib, Tendong, Pasir Mas bagi menghadiri majlis kemuncak lawatannya ke Kelantan, merasmikan peletakan batu asas jambatan ketiga merentangi Sungai Kelantan, Jambatan Wakaf Che Yeh-Tendong, melancarkan rancangan tebatan banjir Sungai Kelantan dan peletakan batu asas Pusat Ekonomi Islam Kelantan.

Perdana Menteri bersembahyang Jumaat di Masjid Muhammadi sebelum menghadiri jamuan di Istana Kota Lama di sini.

Dr Mahathir dijangka berlepas ke Kuala Lumpur pada pukul 6 petang ini.

-- BERNAMA

RAR RI